

27 AUG 2003

Mahathir-Kemerdekaan (Bergambar)

RAKYAT LUAHKAN PERASAAN TERIMA KASIH KEPADA PM

PUTRAJAYA, 27 Ogos (Bernama) -- Rakyat Malaysia yang diwakili pelbagai pertubuhan hari ini menyampaikan rasa terima kasih mereka kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kerana memimpin negara ini sehingga menjadi sebuah negara maju yang selamat untuk didiami lebih 20 juta penduduknya.

Mereka meluahkan perasaan itu dengan menghadiahkan Dr Mahathir dan isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali dengan jambangan bunga, kad-kad ucapan, potret, dan pelbagai cenderahati lain pada satu majlis di Jabatan Perdana Menteri hari ini.

Majlis yang dihadiri 3,500 orang itu diadakan sempena sambutan ulangtahun ke-46 sambutan kemerdekaan negara yang akan disambut pada 31 Ogos ini.

Dalam ucapan ringkasnya, Dr Mahathir berkata beliau bangga kerana dapat meraikan hari bersejarah itu buat pertama kalinya di Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan itu.

"Saya bernasib baik kerana dapat melihat Putrajaya membangun dengan baik dan dapat merayakan Hari Kebangsaan. Bagi saya, syukur kerana sekurang-kurangnya sekali saya dapat merayakan Hari Kebangsaan di sini semasa saya masih menjadi Perdana Menteri," katanya.

Dr Mahathir turut menasihatkan orang ramai supaya berhati-hati ketika memandu kenderaan terutama semasa Hari Kebangsaan bagi mengelak malapetaka di jalan raya.

Sambil merujuk kepada kemalangan ngeri di Serendah Ahad lepas, beliau berkata: "Tidak mengapa jika lambat sedikit. Kita tidak mahu seperti berlaku baru-baru ini 12 mati kerana seorang pemandu (dikatakan) gopoh.

"Kita mahu negara kita selamat daripada penganas tetapi kita masih tidak selamat di jalan raya," katanya.

Dr Mahathir berkata rakyat juga bertanggungjawab mengekalkan keamanan negara supaya sambutan kemerdekaan masih boleh diraikan pada masa

depan.

"Saya bersyukur kerana sikap rakyat begitu baik dan tidak suka kepada keadaan huru-hara. Adalah menjadi tanggungjawab kita mengekalkan keadaan ini dan bekerjasama membangunkan negara," kata Perdana Menteri.

-- BERNAMA

SHI MAM LAT